

# PRULink Bond Fund

All data is as of 31 May 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2022 melainkan jika dinyatakan



Listening. Understanding. Delivering.

## Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Bond Fund aims to provide medium to long term accumulation of capital by investing in selected fixed interest securities, corporate bonds and fixed deposits.


PRULink Bond Fund投资于经过筛选的固定利率证券，企业债券与定期存款，藉以在中至长期内累积资金。

PRULink Bond Fund bertujuan menyediakan pengumpulan modal untuk jangka sederhana hingga panjang dengan pelaburan dalam sekuriti berfaedah tetap, bon korporat dan deposit tetap yang terpilih.

## Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	15/07/1997
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM1,825,068,795.85
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	0.50%
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM3.66538

## How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana



## Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut


	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	1.19%	-2.37%	-2.07%	-0.77%	5.30%	16.77%	266.54%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	0.17%	0.48%	0.94%	1.89%	6.84%	13.91%	144.06%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	1.02%	-2.85%	-3.01%	-2.66%	-1.54%	2.86%	122.48%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 May 2022

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)

## Where the Fund invests

基金投资所在  
Komposisi Pelaburan Dana



## Asset Allocation / 资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 Corporate Bonds	56.09
2 Government	25.14
3 Quasi Government	13.68
4 Cash, Deposits & Others	5.09

## Top 10 Holdings / 十大持股 / 10 Pegangan Teratas

	%
1 Government Investment Issues*	2.95
2 Malaysia Government Securities*	2.91
3 Affin Bank Berhad	2.62
4 Danainfra Nasional Berhad*	2.26
5 Danainfra Nasional Berhad*	2.24
6 Sarawak Energy Berhad*	2.16
7 Government Investment Issues*	2.13
8 Government Investment Issues*	2.08
9 Malaysia Government Securities*	2.04
10 Sarawak Energy Berhad*	1.92

\* Different coupon rates & maturity dates for each.

All data is as of 31 May 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2022 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

### Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Fed Chair Powell made it clear that bringing inflation down is Fed's immediate focus and the central bank will not hesitate to raise rates above the neutral rate until there is clear and convincing evidence that inflation is trending lower. Powell went on to say that neutral rate of unemployment is likely to be closer to 5% versus the current 3.6% and repeatedly mentioned that supply chain issues have remained unresolved and continued to weigh on inflation. Powell's hawkish comments were reiterated by other Fed policymakers on different occasions. Meanwhile, the latest FOMC minutes signaled more 50bps hikes at upcoming meetings towards a neutral policy expeditiously as policymakers saw intensifying inflation threat.

Malaysia posted a stronger-than-expected 1Q2022 GDP growth of 5.0% YoY (4Q2021: +3.6% YoY) as commendable performance of Services (+6.5% YoY) and Manufacturing (+6.6% YoY), following the re-opening of economy, helped offset the weak performance delivered by Mining (-1.1% YoY) and Construction (-6.2% YoY). By expenditure, domestic demand strengthened sharply at 4.4% YoY (4Q2021: +1.9% YoY), underpinned by strong public and private consumption. Despite the strong 1Q2022 performance, BNM maintains its GDP and inflation forecasts of 5.3% to 6.3% and 2.2% to 3.2% respectively for 2022.

BNM surprised the market with a 25bps OPR hike at its May 2022 MPC meeting, bringing the policy rate to 2.00%. The central bank also signaled more hikes, to be done in a measured and gradual manner, given the firmer footing of domestic growth, which in turn is supported by strengthening demand, sustained exports and a stronger labour market. On the global front, BNM noted the sustained re-opening of global economy and improving labour market conditions have helped cushion the Ukraine crisis and lockdowns in China. It also expects inflation pressures to cause central banks to adjust their monetary policy at a faster pace. That said, BNM indicated that risks to growth remain, which include weaker global growth and further escalation of geopolitical conflicts, worsening supply chain disruptions and adverse developments surrounding Covid-19.

Malaysia's MGS curve flattened in the month of May 2022. The yields of the 3Y, 5Y, 10Y and 15Y MGS dropped 3bps, 18bps, 21bps and 32bps respectively to close the month at 3.46%, 3.74%, 4.17% and 4.51% respectively. Meanwhile, yields of MGII closed mixed with yield of the 3 Y MGII increasing 3bps to close the month at 3.51% while yields of the 5Y, 10Y and 15Y MGII declining 26bps, 22bps and 27bps respectively to end the month at 3.79%, 4.19% and 4.54% respectively.

美联储主席鲍威尔明确表示，遏制通胀已成为美联储的当务之急，在有明显且令人信服的证据表明通胀下降之前，该局会毫不犹豫将利率提高到广泛理解的中性水平之上。鲍威尔进一步指出，自然失业率可能更接近5%，而不是目前的3.6%；鲍威尔多次表示，供应链中仍然存在很多问题并继续对通胀构成压力。美联储其他政策制定者也在不同场合重申了鲍威尔的鹰派言论。与此同时，最新的FOMC会议纪要表明，由于美联储官员意识到通胀威胁加剧，所以需要在接下来的会议以50个基点的步伐加息，以加速实现中性利率政策。

随着经济重新开放，马来西亚2022年第一季度国内生产总值（GDP）按年增长5.0%（2021年第四季度：按年增长3.6%）优于预期，因为服务业（按年增长6.5%）和制造业（按年增长6.6%）表现可取，有助于弥补矿业（按年-1.1%）和建筑业（按年-6.2%）的疲软表现带来的冲击。按支出计算，在公共和私人消费强劲的支撑下，国内需求按年大幅增长4.4%（2021年第四季度：按年+1.9%）。尽管经济于2022年第一季度表现强劲，国行维持2022年GDP和通胀预测，分别为5.3%至6.3%和2.2%至3.2%。

国家银行在其2022年5月的货币政策委员会会议宣布调高隔夜政策利率25个基点至2%，令市场感到意外。国行还放话表示，由于国内增长的基础更加稳固，该行将以节制和渐进的方式进一步加息。国内增长主要受到需求增强、出口持续增长以及劳动力市场更加强劲支撑。海外因素方面，国行指出，全球经济持续重新开放和劳动力市场状况改善有助于缓解乌克兰危机和中国封锁带来的冲击。它还预计，通胀压力将促使各国央行加快调整货币政策步伐。尽管如此，国行表示，增长风险依然存在，包括全球增长疲软、地缘政治冲突进一步升级、供应链中断情况恶化以及围绕Covid-19的不利发展。

大马政府债券收益率曲线于2022年5月呈牛市趋平走势。3年、5年、10年和15年大马政府债券收益率分别下跌3、18、21和32个基点，以3.46%、3.74%、4.17%和4.51%结束当月的交易。与此同时，大马政府投资票据收益率以起落参半的姿态结束交易，3年大马政府投资票据走高3个基点，以3.51%结束检讨月份的交易。5年、10年和15年大马政府投资票据则分别下跌26、22和27个基点，以3.79%、4.19%和4.54%挂收。

*Pengerusi Fed, Powell, menjelaskan bahawa menurunkan inflasi adalah tumpuan segera Fed dan bank pusat tidak akan teragak-agak untuk menaikkan kadar mengatasikadar neutral sehingga terdapat bukti yang jelas dan meyakinkan bahawa inflasi menurun. Powell seterusnya berkata bahawa kadar pengangguran neutral berkemungkinan menghampiri 5% berbanding kadar semasa 3.6% dan berulang kali menyebut bahawa isu rantaian bekalan masih belum terungkai lalu terus menekan inflasi. Komen agresif Powell diulangi oleh penggubal dasar Fed yang lain pada masa yang berbeza. Sementara itu, minit FOMC terkini menandakan kenaikan melebihi 50 mata asas pada mesyuarat akan datang, menuju dasar neutral dengan cepat apabila penggubal dasar melihat ancaman inflasi yang semakin mendesak.*

*Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK 1Q2022 5.0% YoY(4Q2021: +3.6% YoY), lebih kukuh daripada jangkaan apabila Perkhidmatan (+6.5% YoY) dan Pembuatan (+6.6% YoY) mencatatkan prestasi yang membanggakan berikutan pembukaan semula ekonomi, lalu membantu mengimbangi prestasi lemah yang disampaikan oleh Perlombongan (-1.1% YoY) dan Pembinaan (-6.2% YoY). Mengikut perbelanjaan, permintaan dalam negeri mengukuh secara mendadak pada 4.4% YoY (4Q2021: +1.9% YoY), disokong oleh penggunaan awam dan swasta yang mantap. Walaupun prestasi 1Q2022 dicatat kukuh, BNM mengekalkan ramalan KDNK pada 5.3% hingga 6.3% manakala inflasi pada 2.2% hingga 3.2% bagi tahun 2022.*

*BNM mengejutkan pasaran dengan kenaikan 25 mata asas OPR semasa mesyuarat MPC Mei 2022, maka kadar dasar menjadi 2.00%. Bank pusat juga memberi isyarat kepada lebih banyak kenaikan, perlu dilakukan secara terukur dan beransur-ansur, memandangkan pertumbuhan dalam negeri yang lebih ampuh, disokong oleh permintaan yang semakin kukuh, eksport yang mampan dan pasaran buruh yang lebih mantap. Di peringkat global, BNM menyatakan kemungkinan pembukaan semula ekonomi global dan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik telah membantu mengatasi krisis Ukraine dan sekatan pergerakan di China. Ia juga menjangkakan tekanan inflasi akan mendorong bank pusat menyesuaikan dasar monetari pada tempo yang lebih pantas. Walau bagaimanapun, BNM menunjukkan bahawa risiko kepada pertumbuhan masih ada, termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah dan peningkatan konflik geopolitik yang semakin meruncing, gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk dan perkembangan buruk seputar Covid-19.*

*Lengkung MGS Malaysia mendatar pada bulan Mei 2022. Hasil MGS 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing turun 3 mata asas, 18 mata asas, 21 mata asas dan 32 mata asas kemudian menutup bulan dagangan pada 3.46%, 3.74%, 4.17% dan 4.51%. Sementara itu, hasil MGII ditutup bercampur-campur dengan hasil MGII 3 tahun meningkat 3 mata asas lalu menutup bulan pada 3.51% manakala hasil MGII 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing merosot 26 mata asas, 22 mata asas dan 27 mata asas, kemudian mengakhiri bulan pada 3.79%, 4.19% dan 4.54%.*

All data is as of 31 May 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2022 melainkan jika dinyatakan

Malaysia's Apr 2022 headline inflation rate grew marginally to 2.3% YoY (Mar 2022: 2.2% YoY), lifted mainly by higher Food & Non-Alcoholic Beverages (+4.1% YoY) and Transportation (+3.0% YoY) inflations. The increases were partially moderated by a softer growth in Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (+0.8% YoY) prices. Likewise, core inflation accelerated further to 2.1% YoY (Mar 2022: +2.0% YoY), a reflection of the broadening increase in prices of goods and services as the economy transitioned into the endemic phase. Overall inflationary risk remains tilted to the upside although the government's commitment to ensure price stability of basic necessities could help mitigate some pressure. For 2022, full year inflation is expected to remain modest, coming in within BNM's forecast of 2.2% to 3.2%.

Markets across the globe remained highly volatile in May 2022 on heightened concern over the ability of central banks to engineer a soft-landing when tightening monetary policy to rein in inflation. While fear of recession seems to be overblown for now given the steady recovery trajectory and improving labour market conditions, the odds of an economic downturn have gone up in recent weeks as food inflation started to be felt globally as a result of the growing wave of food protectionism. In Malaysia, inflationary pressure has been staying relatively muted thus far but markets will watch closely on signs of a possible change to the current fuel subsidy scheme. In the near term, volatilities in the global market are expected to persist as sentiments continue to be weighed by concerns on global growth outlook and inflation outlook on the back of the on-going Russia-Ukraine war and China's strict Covid-19 containment measures.

There will be three auctions in the month of Jun 2022, the re-opening of the 15 Y MGS 04/37, the re-opening of the 5Y MGII 09/27 and the re-opening of the 30Y MGS 06/50. While there is still ample liquidity in the system, the outcome of these auctions is likely to be influenced by prevailing market sentiment. On the corporate front, we expect mixed demand for corporate bonds as investors continue to be selective in their investments.

马来西亚2022年4月总体通货膨胀率按年轻微增长至2.3% (2022年3月: 按年2.2%)，主要由食品与非酒精饮料 (按年+4.1%) 和运输 (按年+3.0%) 通胀推动；但住房、水、电、天然气和其他燃料价格 (按年+0.8%) 增长放缓部分抵消了有关涨幅带来的影响。同样，核心通货膨胀按年进一步加速到2.1% (2022年3月: 按年+2.0%)，反映商品和服务价格广泛上涨。虽然政府承诺确保基本必需品价格稳定或有助于缓解一些压力，总体通胀风险仍倾向于走高。2022年全年通胀预计保持温和，处于国行预测的2.2%至3.2%范围内。

2022年5月，全球市场走势依然如过山车般波动；市场高度关注各国央行在收紧货币政策以控制通胀方面实现经济软着陆的能力。在经济稳步复苏和劳动力市场改善的情况下，市场对经济衰退的担忧看来已被过分渲染。尽管如此，食品保护主义浪潮日益高涨，全球开始感受到食品通胀的压力，经济下滑的可能性于最近几周升温。在马来西亚，通胀压力迄今持续相对温和，但市场将密切关注当前燃料补贴计划可能发生变化的迹象。短期内，持续上演的俄乌战争和中国实施的严格Covid-19遏制措施对全球增长和通胀前景带来的担忧继续打压市场情绪；在此情景下，全球市场预计将持续波动。

2022年6月将有三项招标，包括15年期大马政府债券04/37、5年期大马政府投资票据09/27以及30年期大马政府债券06/50的增额发行。尽管系统中仍有充裕的流动性，这些招标的结果料将取决于当前的市场情绪。企业债券方面，我们预料市场对企业债券的需求将参差不齐，因为投资者继续在投资方面保持选择性。

Kadar inflasi utama April 2022 Malaysia meningkat sedikit kepada 2.3% YoY (Mac 2022: 2.2% YoY), meningkat terutamanya berikutan inflasi Makanan & Minuman Bukan Beralkohol (+4.1% YoY) dan Pengangkutan (+3.0% YoY) yang lebih tinggi. Sebahagian kenaikan disederhanakan oleh pertumbuhan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (+0.8% YoY) yang lebih perlahan. Begitu juga, inflasi teras terus meningkat kepada 2.1% YoY (Mac 2022: +2.0% YoY), mencerminkan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan yang meluas apabila ekonomi beralih ke fasa endemik. Keseluruhan risiko inflasi mencondong kepada peningkatan walaupun komitmen kerajaan untuk memastikan kestabilan harga barang keperluan asas dapat membantu mengurangkan tekanan. Bagi 2022, inflasi setahun penuh dijangka kekal sederhana, berada dalam unjuran BNM 2.2% hingga 3.2%.

Pasaran di seluruh dunia kekal sangat tidak menentu pada Mei 2022 berikutan kebimbangan yang meningkat terhadap keupayaan bank pusat untuk merekayasa pendaratan lembut apabila dasar monetari diketatkan bagi mengekang inflasi. Walaupun ketakutan terhadap kemelesetan nampak terlalu berlebihan buat masa ini memandangkan trajektori pemulihan yang stabil dan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik, kemungkinan kemelesetan ekonomi telah meningkat dalam beberapa minggu kebelakangan ini setelah inflasi makanan mula dirasai secara global akibat gelombang perlindungan makanan yang semakin ketara. Di Malaysia, tekanan inflasi secara relatifnya terkawal setakat ini tetapi pasaran akan memerhatikan dengan teliti tanda-tanda kemungkinan perubahan kepada skim subsidi bahan api semasa. Dalam tempoh terdekat, ketaktentuan pasaran global dijangka akan berterusan apabila sentimen terus dihipit oleh kebimbangan tentang prospek pertumbuhan global dan prospek inflasi susulan perang Rusia-Ukraine yang masih berlarutan dan langkah-langkah pembendungan Covid-19 yang ketat oleh China.

Terdapat tiga lelongan pada bulan Jun 2022, pembukaan semula MGS 15 tahun 04/37, pembukaan semula MGII 5 tahun 09/27 dan pembukaan semula MGS 30 tahun 06/50. Walaupun kecairan masih lagi lebih dari mencukupi dalam sistem kewangan, hasil lelongan tersebut cenderung dipengaruhi oleh sentimen pasaran semasa. Meninjau sektor korporat, kami menjangkakan permintaan ke atas bon korporat akan bercampur-campur kerana pelabur terus selektif dalam pelaburan mereka.

#### Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned 1.19% for the month, outperforming the benchmark return of 0.17% by 1.02%. Year-to-date, the Fund returned -2.31%, underperforming the benchmark return of 0.78% by 3.09%.

The outperformance in the month was attributed to the lower bond yields, especially on the long end of the curve. The US Treasury yields were lower due to concerns over a possible recession whilst the domestic market was further boosted from dip buying by investors.

In the US, inflation is the highest since 1982 and the market is now pricing in a Fed Funds rate of 3.75% by the end of 2022. Against this backdrop of increasingly sticky inflation, global bond yields have continued to climb sharply.

Malaysian bonds will continue to be pressured by higher global yields, shrinking output gap and unfavourable demand supply dynamics. The Malaysian bond market will be somewhat supported amidst this negative environment due to dip buying by domestic real money accounts as higher rates entice investor interest. Foreign flows may also be attracted to Malaysian bonds on account of their relatively attractive real returns and lower volatility.

We continue to be prudent in our credit selection but are now more positive on the credit environment, Given the expected improvement in credit conditions we look to selectively increase our exposure to sectors that will benefit from the economic reopening and increased consumer demand.

检讨月份下，此基金的回报为1.19%，跑赢取得0.17%回报的基准1.02%。年度至今，基金的回报是-2.31%，较基准逊色3.09%，基准的是0.78%。

检讨月份表现超越归功于债券收益率走低，特别是长期债券。受经济可能衰退的顾虑困扰，美国国债收益率看跌。国内市场则因投资者逢低买入而进一步受到提振。

美国通胀录得自1982年以来的最高水平，市场目前预计联邦基金利率将于2022年底达到3.75%。在粘性通胀加剧的背景下，全球债券收益率继续大幅走高。

马来西亚债券价格将继续在全球债券收益率上涨、产出缺口缩小和不利供需动态的情况下受压。尽管如此，利率走高吸引了投资购兴并激励国内优质的长期资金逢低买入，在一定程度上为马来西亚债券市场提供支撑。此外，马来西亚债券的实际回报相对有吸引力，加上波动性较低，或也会得到外资青睐。

All data is as of 31 May 2022 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2022年5月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Mei 2022 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

我们继续审慎选择信贷，但目前对信贷市场持更加正面的看法。鉴于信贷状况预期改善，我们放眼选择性增持将从经济重新开放和消费需求增加趋势下受惠的领域。

Dana menjana pulangan 1.19% di bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 0.17% sebanyak 1.02%. Sejak awal tahun hingga kini, Dana mengembalikan -2.31%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.78% sebanyak 3.09%.

Prestasi cemerlang pada bulan tersebut adalah disumbangkan oleh hasil bon yang lebih rendah, terutamanya bon bertempoh panjang. Hasil Perbendaharaan AS lebih rendah disebabkan oleh kebimbangan mengenai kemungkinan berlakunya kemelesetan manakala pasaran domestik terus dirangsang daripada celupan belian (dip buying) oleh pelabur.

Di AS, inflasi adalah yang tertinggi sejak tahun 1982 dan pasaran kini menetapkan harga dalam kadar Dana Fed sebanyak 3.75% menjelang akhir tahun 2022. Berlatarbelakangkan inflasi yang semakin melekit, hasil bon global terus meningkat dengan mendadak.

Bon Malaysia akan terus ditekan oleh hasil global yang lebih tinggi, jurang output yang semakin mengecil dan dinamik penawaran permintaan yang tidak menggalakkan. Pasaran bon Malaysia sedikit sebanyak akan disokong di tengah-tengah persekitaran negatif ini disebabkan oleh celupan belian oleh akaun wang sebenar domestik kerana kadar yang lebih tinggi menarik minat pelabur. Aliran asing juga mungkin tertarik kepada bon Malaysia kerana pulangan sebenar yang menarik secara relatif dan volatiliti yang lebih rendah.

Kami terus berhemat dalam pemilihan kredit tetapi kini lebih positif terhadap persekitaran kredit. Mengambil kira jangkaan penambahbaikan keadaan kredit, kami melihat untuk meningkatkan pendedahan secara selektif kepada sektor yang akan mendapat manfaat daripada pembukaan semula ekonomi dan peningkatan permintaan pengguna.

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, May 2022, Eastspring Investments Berhad

## Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail.

任何投资皆涉及投资风险，包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回报并不反映您投资的真实回报(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回报将根据有关投资联结基金的表现而定。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回报可能会低于上述回报。本册子只供说明之用。欲进一步了解条款与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子。如果本说明书的资料与保单文件有所出入，将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.